

SOALAN NO: 297

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
[SUNGAI BESAR]
TARIKH :
SOALAN : 297

YB Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hospital manakah yang diklasifikasikan sebagai "hospital sakit" iaitu hospital yang gagal disiapkan pada waktu yang ditetapkan seperti yang diumumkan oleh Menteri pada September lalu dan apakah langkah yang diambil pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini seterusnya mampu memastikan hospital ini dapat disiapkan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bagi pembinaan fasiliti kesihatan, pihak KKM telah melantik Agensi Teknikal iaitu pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melaksanakan projek-projek fasiliti kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu projek dikategorikan sebagai projek sakit apabila kemajuan kerja telah mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau 20% (mengikut mana yang terdahulu) berbanding jadual yang ditetapkan dalam kontrak, dan kontraktor adalah tidak berupaya untuk memperbaiki prestasinya. Buat masa ini, projek-projek pembangunan yang diklasifikasikan sakit adalah Hospital Sri Aman, Hospital Petrajaya, Hospital Bera dan Hospital Rembau.

Antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak KKM dan JKR adalah:

1. Mengeluarkan surat peringatan dan amaran kelewatan untuk menunjukkan kedudukan kemajuan projek;
2. Mengadakan pemantauan khusus bagi projek bermasalah;
3. Mengadakan mesyuarat koordinasi secara mingguan bagi menyelesaikan isu-isu di tapak dan memantau pencapaian kontraktor berbanding sasaran kerja; dan
4. Mengkaji semula *work programme* dan memastikan pihak kontraktor mengikut pelan pemulihan yang ditetapkan.

Bagi memastikan projek-projek pembangunan KKM pada masa hadapan dapat disiapkan mengikut jadual, Mesyuarat National Development Projects Intervention Committee (NDPIC) telah bersetuju supaya kaedah Pra-Kelayakan (Pre-Q) dilaksanakan agar kontraktor yang benar-benar kompeten dari segi kepakaran, kewangan dan pengalaman dilantik bagi melaksanakan projek-projek pembinaan hospital di masa akan datang.

Mesyuarat juga bersetuju supaya JKR menyediakan senarai *high performance contractors* sebagai rujukan khususnya bagi perolehan projek-projek pembinaan hospital.

Pihak Kementerian Kewangan (MOF) juga telah menetapkan supaya kontraktor hendaklah berdaftar dengan pihak CIDB di bawah butiran B29. Tindakan selanjutnya pihak Kementerian Kerja Raya (KKR), KKM dan MOF sedang memantapkan lagi *Term of Reference* (TOR) perunding-perunding yang terlibat dalam pembinaan fasiliti kesihatan agar perunding yang berpengalaman dilantik untuk melaksanakan projek-projek fasiliti kesihatan.

SOALAN NO.: 298

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

SOALAN :

Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah persetujuan yang telah dapat dicapai di Persidangan Getah Tiga Pihak Antarabangsa yang dihadiri oleh Malaysia baru-baru ini dalam memastikan industri getah di negara dan dunia terus mampu bertahan terutamanya dalam perkara yang melibatkan kepentingan pekebun seperti harga getah yang lembap dan masih lagi rendah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

International Tripartite Rubber Council (ITRC) ditubuhkan selepas termeterainya Deklarasi Bali yang melibatkan Thailand, Indonesia dan Malaysia pada 12 Disember 2001 di Bali, Indonesia. Objektif utama penubuhannya ialah untuk memastikan pendapatan yang adil dan lumayan di kalangan pekebun kecil getah ketiga-tiga negara.

Bagi mencapai objektif penubuhan ITRC, dua skim telah dirangka dan dilaksana bagi menstabilkan harga getah asli untuk tempoh jangka pendek dan jangka panjang iaitu *Agreed Export Tonnage Scheme (AETS)* dan *Supply Management Scheme (SMS)*. Selain itu, usaha untuk menggalakkan penggunaan getah di kalangan negara anggota ITRC juga dilaksanakan melalui penubuhan jawatankuasa *Demand Promotion Scheme (DPSC)*.

Mesyuarat ITRC peringkat Menteri yang diadakan pada 15 September 2017 di Bangkok, Thailand, telah mencapai beberapa persetujuan bagi memastikan kelangsungan industri getah dan menangani isu harga getah semasa yang berada pada tahap kurang memberangsangkan iaitu:

- i. Meluluskan penyertaan Vietnam yang merupakan negara pengeluar getah ketiga terbesar di dunia untuk menganggotai ITRC. Penyertaan Vietnam akan meningkatkan syer pengeluaran getah dunia bagi negara anggota ITRC daripada 67% kepada 76%. Sementara itu, syer eksport getah asli dunia anggota ITRC akan

- meningkat daripada 76% kepada 89%. Di samping itu, ia juga akan meningkatkan keberkesanan peranan ITRC dalam menstabilkan harga getah dan seterusnya menjamin pendapatan pekebun kecil getah yang lebih baik di masa hadapan;
- ii. Meningkatkan penggunaan domestik getah asli sebanyak 10% setiap tahun di kalangan negara anggota ITRC dengan memberi fokus dalam sektor seperti pengangkutan, infrastruktur, sukan, pertahanan, barang kesihatan dan pengguna. Dalam hal ini, Thailand, Indonesia dan Malaysia (TIM) akan meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta menggalakkan inovasi dalam sektor awam dan swasta. Di samping itu, TIM juga bersetuju untuk bertukar teknologi dan kepakaran dalam penggunaan getah asli bagi pembinaan jalan baru dan penurapan semula jalan yang sedia ada;
 - iii. Menambahbaik *Regional Rubber Market* (RRM) menerusi pewujudan platform pasaran niaga hadapan. RRM telah ditubuhkan pada 26 September 2016 untuk menyediakan platform bagi penemuan harga (*price discovery*) yang lebih baik di kalangan negara ITRC menerusi pasaran getah fizikal. Untuk melengkapkan dan menyokong operasi RRM, negara-negara anggota akan menubuhkan Pusat Timbang Tara IRCo (*IRCo Arbitration Centre*); dan
 - iv. Meneroka bidang kerjasama baru seperti usahasama bersama pihak industri untuk mempelbagaikan produk berdasarkan getah bagi memastikan kemampuan industri getah. Inisiatif ini akan dapat

mendorong permintaan berterusan terhadap pengeluaran getah asli dan menjana pendapatan yang lumayan kepada pekebun kecil dalam jangka panjang. Turut dirancang ialah sesi mendapatkan input dan pandangan pihak industri dengan menjemput persatuan-persatuan utama industri getah daripada negara tuan rumah ITRC ke perbincangan meja bulat yang akan diadakan secara berturut (*back-to-back*) dengan mesyuarat ITRC peringkat Menteri pada masa akan datang.

Bagi merealisasikan persetujuan di atas, satu Mesyuarat Peringkat Pegawai ITRC akan diadakan pada 27 November hingga 1 Disember 2017 bagi merangka tindakan susulan terperinci termasuk penetapan garis masa pelaksanaan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.